

10/02/2004

Mewujudkan mekanisme penggunaan dinar emas

Dr Zuhaimy Ismail

SEJAK nilai Ringgit Malaysia (RM) ditambah kepada dolar Amerika Syarikat pada kadar RM3.80 pada 1998 kita dapati wang kita menunjukkan kemantapannya dan mampu dipertahankan daripada spekulasi dan ketidaktentuan ekonomi.

Jika Argentina sebuah negara yang menetapkan nilai mata wang kertasnya kepada dolar AS juga diporak perandakan oleh peniaga mata wang dan spekulator antarabangsa, ini tidak mustahil berlaku kepada kita jika kita tidak waspada dan menyediakan strategi tertentu.

Sejak itu sudah banyak diperkatakan sama ada kita harus melepaskan tambatan kepada dolar AS ini. Kita kekal dengan ikatan AS\$ tetapi sejak 2001, nilai dolar AS telah susut nilainya sebanyak 40 peratus dibandingkan dengan mata wang lain seperti euros.

Jika Petronas menjual minyak dengan harga AS\$34 setong sedangkan nilai ini telah susut melebihi 40 peratus dibandingkan euro dan lain-lain mata wang dunia, jadi sebenarnya Petronas telah rugi melebihi AS\$13.

Ini untuk setong minyak. Beribu-ribu tong minyak dijual dalam masa sebulan.

Sebenarnya, berikutan kejatuhan nilai dolar AS itu dunia kini telah dilanda kemelut dan tidak ada kepastian mengenai takrif nilai.

Jika dulu nilai terletak pada tangan yang mempunyai barang tetapi kini ia sudah terletak pada orang lain, malah lebih dahsyat lagi nilai ini tidak tahu dikuasai oleh sesiapa. Sebenarnya masyarakat dunia kini telah beransur kehilangan sistem nilai.

Ini menyebabkan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad dalam Forum Ekonomi Jeddah, Saudi Arabia, pada 18 Januari, 2004 mencadangkan Arab Saudi menjual minyaknya dengan bayaran emas dan bukan dolar Amerika.

Sejajar itulah Malaysia berada di barisan depan dalam usaha untuk memperkenalkan penggunaan dinar emas atau International Gold Dinar (IGD). Ramai telah sedar akan kepentingan untuk mengembalikan kesatuan umat Islam melalui perdagangan bebas khusus melalui penggunaan IGD seperti disarankan pada persidangan OIC Oktober tahun lalu.

Seharusnya penggunaan IGD ini dimulakan di antara dua negara Islam yang menjalankan perdagangan komoditi seperti minyak sawit dan petroleum. Ini adalah contoh aplikasi yang boleh dilakukan untuk perdagangan antarabangsa dalam menggunakan mata wang IGD, tetapi untuk masyarakat setempat sistem mata wang ini seharusnya juga diterapkan.

Penggunaan mata wang IGD buat masa ini boleh dikategorikan kepada wang simpanan kerana ia mempunyai nilai intrinsik, digunakan sebagai mas kahwin, pembayaran zakat, hadiah dan sebagainya.

Dalam usaha menggerakkan ekonomi baru berteraskan IGD, pertama wang ini mestilah terlebih dulu dimiliki oleh masyarakat umum, mesti ada pada tangan mereka.

Wang IGD ini mesti beredar di kalangan masyarakat. Bagaimana? Di mana boleh kita dapat IGD?

Apakah yang perlu ada bagi menzahirkan kembali dinar emas dan dirham perak ini? Apakah mekanisme yang perlu ada?

Sebenarnya banyak persoalan yang perlu dikemukakan dan harus terjawab supaya cita-cita untuk mengembalikan sistem IGD in menjadi realiti. Malaysia adalah negara yang mempopularkan usaha untuk mengembalikan dinar emas dan kini bersedia untuk mengajak masyarakat Islam sedunia untuk turut serta.

Sebenarnya dunia luar memerhatikan apa yang Malaysia sedang lakukan dan akan lakukan. Untuk menjawab persoalan itu tanpa memberikan penyelesaian spesifik adalah perlunya kita mengembalikan apa yang dikatakan mekanisme teras atau 'core mechanism'.

Mekanisme ini terdiri daripada tiga entiti iaitu IGD - mata wang dinar emas dan dirham perak atau yang lain diikuti Pasar dan Qirad. Ketiga-tiga elemen ini saling memerlukan antara satu sama lain. Kelahiran ketiga-tiga elemen ini akan menggalakkan dan mencambahkan banyak peluang perniagaan, pengusahawanan dan perkhidmatan.

Ini adalah unsur asas yang diperlukan untuk menjayakan ekonomi baru berteraskan kepada IGD. Ekonomi ini tidak seharusnya bersaing dengan sistem ekonomi yang ada sekarang tetapi sebaliknya ia harus seiring. Ekonomi baru seharusnya memberi peluang untuk sistem berteraskan IGD ini berkembang.

Elemen pertama dalam mekanisme ini telahpun wujud di Malaysia iaitu mata wang IGD itu sendiri yang kini dikeluarkan oleh Royal Mint Malaysia dan juga Islamic Mint Malaysia.

Persoalan yang sering diterima ialah bagaimana boleh kita mendapatkan dinar ini. Pengusaha seharusnya menyediakan segala kemudahan bagi membolehkan masyarakat mendapatkan mata wang ini.

Kini, IGDEXchange Sdn Bhd telah membangunkan IGDEXchange.com sebuah laman web yang ada menyediakan kemudahan pertukaran dan perolehan dinar emas melalui internet.

Infrastruktur pengeluaran dan pengedaran juga nampaknya telah mula berjalan di Malaysia. Tugas seterusnya adalah untuk menggalakkan masyarakat Malaysia memiliki IGD agar mereka dapat menggunakannya sebagai simpanan, mas kahwin dan sebagainya.

Jadi kita boleh katakan bahawa matlamat utama sekarang ini adalah supaya lebih ramai masyarakat Malaysia memiliki IGD.

Satu usaha murni yang dicadangkan oleh Mufti Johor, Datuk Noh Gadot, adalah supaya seisi rumah memiliki simpanan sebanyak 20 dinar emas supaya setelah cukup nisabnya, setengah dinar dikeluarkan sebagai zakat.

Ini satu usaha yang harus disokong kerana usaha ini melaksanakan dua tanggungjawab iaitu menunaikan zakat dan pada waktu yang sama memerangi riba.

Elemen kedua dalam mekanisme utama ini adalah mewujudkan pasar di mana mata wang IGD ini boleh digunakan. Sebaiknya ada pihak yang membangunkan pasar dan memperbanyakkan wakala di mana wang ringgit boleh ditukar kepada IGD dan sebaliknya.

Pembayaran zakat menggunakan IGD amatlah baik, tetapi setelah penerima menerima bayaran dalam bentuk IGD di mana pula beliau boleh gunakannya atau boleh menukarnya kepada wang ringgit.

Sekiranya tidak ada tempat pertukaran ini atau wakala tidak diwujudkan maka amat sukar untuk dilaksanakan pembayaran zakat menggunakan mata wang IGD. Seterusnya perlulah juga ada kedai atau pasar di mana IGD ini boleh digunakan.

Menyebut mengenai pasar, ada orang mengelaskan pasar kepada 'pasar Islam' dan pasar konvensional. Apa bezanya? Sebenarnya tidak ada 'pasar Islam', yang ada adalah pasar yang peraturan perjalanannya mengikut sunnah Rasulullah saw dan apa yang telah diamalkan oleh komuniti umat Islam di Madinah.

Atau kita katakan perbezaan ketara antara pasar bebas Islam dengan pasar biasa yang ada sekarang adalah satu dibangunkan berteraskan konsep yang di bawa oleh Rasulullah saw yang perlu memenuhi empat syarat penting iaitu pasar ini tidak dimiliki oleh sesiapa, tiada sewa dikenakan terhadap peniaga, tiada cukai dan tiada penyelewengan atau penipuan.

Prinsip asas ini mudah difahami tetapi perlukan prosedur yang tersusun

rapi. Sabda Rasulullah saw: "Pasar mestilah mengikut sunnah seperti sebuah masjid - barang siapa yang mendapat tempat dulu di pasar mempunyai hak terhadapnya sehingga dia meninggalkan pasar dan pulang setelah menyelesaikan perniagaan pada hari itu". (Al-Hindi, kanz al-'Ummal, V, 488, n0 2688).

Keistimewaan yang sama antara pasar dan masjid adalah kebebasan untuk memilih tapak untuk berniaga. Jika di masjid mereka yang datang awal akan mendapat tempat terbaik di dalam masjid sama ada di hadapan sekali atau pilihannya adalah untuk duduk di bawah kipas yang dingin. Kebebasan hak inilah yang dimaksudkan.

Kedua, tidak ada sesiapa yang boleh menempah ruang dan menguasai ruang perniagaan itu sama seperti keadaan di masjid dengan tidak ada sesiapa yang boleh menempah saf pertama atau saf kedua atau hendak duduk betul-betul di belakang imam. Pasar tidak dimiliki sesiapa.

Ketiga, tidak ada bayaran dikenakan sama seperti tidak perlu membayar untuk menunaikan sembahyang di masjid. Bayaran di sekitar pasar biasanya dikenakan bagi tujuan menyimpan barang atau menyewa stor barang. Ini tidak termasuk kawasan pasar dan dilarang melakukan sebarang perdagangan dari tempat simpanan barang.

Keempat adalah tidak ada cukai. Ini seiring dengan sebuah hadis: "Ini adalah pasar kamu, jangan dibenarkan apa juga bentuk cukai dikenakan ke atasnya".

Pasar Islam menjamin peluang yang sama diberikan kepada semua peniaga, kegiatan perniagaan tidak dikaitkan dengan satu puak atau satu kaum, tiada ketua atau puak istimewa dalam pasar, tiada konsep majikan atau pemilik besar.

Ini memberikan takrifan apa yang dikatakan 'pasar bebas' yang sebenarnya, yang perlu dibentuk bagi kemajuan dan kesejahteraan umat Islam khususnya dan masyarakat umum amnya. Ia mestilah terbuka kepada semua masyarakat tidak kira agama tetapi mestilah mematuhi syarat yang ditetapkan.

(Dr Zuhaimy adalah Profesor Madya di Fakulti Sains, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Skudai, Johor. Beliau terbabit dalam kajian mengenai masalah sistem kewangan dan riba sejak 1987)